



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**2 Oktober 2015 / 18 Zulhijjah 1436**

**Kisah Nabi Musa a.s. Dalam Menuntut Ilmu:**

**Pengajaran Dari Surah Al-Kahfi**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً  
وَحُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنِّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَصَبَّاحُ الظُّلَامِ، اَللَّهُمَّ  
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا  
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ  
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar ketakwaan. Taatilah perintahNya dan jauhilah segala laranganNya.

Saudaraku,

Sebagai lanjutan bagi penghayatan kita terhadap surah Al-Kahfi, marilah kita hayati kisah yang berlaku antara Nabi Musa

a.s. dengan seorang hamba Allah yang diberikan ilmu dan hikmah. Ada pendapat ulama Tafsir yang menyatakan hamba tersebut ialah Nabi Khidir a.s. Kisah tersebut terakam dalam surah Al-Kahfi ayat 60 hingga 83.

Terlalu banyak pengajaran dan hikmah yang boleh diraih dari kisah ini. Lebih khusus lagi pengajaran dan hikmah berkaitan dengan ilmu pengetahuan. Perhatikan firman Allah s.w.t. pada ayat yang ke 65 daripada surah Al-Kahfi:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِمَّا  
لَدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾

Yang bermaksud: *“Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami.”*

Dari ayat ini kita dapat merumuskan bahawa segala **ilmu itu milik Allah semata**. Sebagaimana Allah s.w.t. mengurniakan kepada Nabi Musa ilmu, Allah juga mengurniakan kepada Nabi Khidir ilmu yang tertentu seperti yang dinyatakan pada ayat sebelum ini.

Sesungguhnya Allah berhak untuk memberikan ilmu-Nya kepada sesiapa yang Dia suka. Malah dalam kisah ini, ilmu yang dimiliki oleh Nabi Khidir a.s. tidak dimiliki oleh Nabi Musa a.s.! Sedangkan Nabi Musa adalah di kalangan Nabi *Ulul 'Azmi!*

Namun, Baginda tetap diingatkan untuk bersabar oleh Nabi Khidir a.s. pada ayat selepas ini! Dengan itu, usahlah kita merasa diri kita ini mengetahui segalanya. Beringatlah selalu bahawa ilmu Allah itu luas. Pasti ada yang kita terlepas dan tidak ketahui. Dan ilmu yang kita tidak ketahui itu pula mungkin dimiliki oleh seorang anak kecil, orang muda mahupun mungkin seorang pelajar.

Saudaraku,

Firman Allah s.w.t. pada ayat yang selanjutnya:

قَالَ لَهُ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعَلِّمَنِي مِمَّا عُلِّمْتَ رُشْدًا ﴿٦٦﴾

Yang bermaksud: *“Lalu Musa berkata kepadanya (Yakni Khidir): Bolehkah aku mengikutimu supaya kamu mengajarkan kepadaku ilmu yang benar di antara ilmu-ilmu yang telah diajarkan kepadamu?”* [Surah Al-Kahfi, ayat 66]

Pada ayat ini, Allah menunjukkan kepada kita bagaimana seharusnya adab seorang murid terhadap gurunya. Ketika memohon untuk berguru, Nabi Musa menggunakan kalimat memohon izin sebagai **tanda merendahkan diri**. Berbeza dengan sebahagian individu hari ini yang tidak mudah dinasihatkan. Apatah lagi sekiranya yang menegurnya orang yang dianggap lebih rendah martabat daripadanya ataupun lebih kurang ilmunya.

Mengapa ini terjadi? Apabila rasa sombong meliputi diri kita tanpa kita sedari, itu mengakibatkan seseorang itu kadangkala terlupa diri. Yang namanya orang yang berilmu, akan menganalisa setiap maklum balas, dan memperbaikinya. Bahkan insan yang berilmu, semakin beliau berilmu semakin bersikap tawadhu', rendah diri dan berlapang dada. Nabi s.a.w. bersabda: *"Tidaklah seseorang itu merendahkan diri kerana Allah melainkan (pasti) Allah akan mengangkat darjatnya."* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Pada ayat yang berikutnya Allah s.w.t. memberi gambaran **adab dan etika seseorang dalam menuntut ilmu**. FirmanNya dari ayat 67 hingga 69:

قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ۖ وَكَيْفَ تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِ خُبْرًا ۗ  
قَالَ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا وَلَا أَعْصِي لَكَ أَمْرًا ۗ

Yang bermaksud: *"Ia menjawab: 'Sesungguhnya engkau (wahai Nabi Musa), tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku. Dan bagaimana engkau akan sabar terhadap perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara meliputi?' Nabi Musa berkata: Engkau akan dapati aku, Insya Allah; orang yang sabar, dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu."*

Amat benarlah apa yang difirmankan Allah; untuk meraih ilmu yang benar serta tepat, memerlukan kepada kesabaran dan

juga usaha yang berterusan. Adapun apa yang kita saksikan berlaku sekarang ini, ramai yang tergesa-gesa ingin mendapat maklumat agama, namun tidak diperhatikan dari mana sumber ilmu tersebut. Ilmu yang diperolehi dari laman internet tanpa berguru, bukanlah ilmu. Akan tetapi, ia hanya merupakan maklumat sahaja. Ada kemungkinan ia salah. Dan walaupun sekiranya maklumat itu betul, adalah penting untuk mendapat kefahaman yang lebih tepat, dan ini memerlukan kepada penjelasan seorang guru.

Semoga dengan kita menghayati pengajarannya dan mempelajari hikmah yang terkandung di sebalik kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir tadi, kita mampu berusaha menjadi seorang yang berilmu, beradab dan berakhlak mulia sebagaimana seorang yang layaknya digelar ahli ilmu. Amin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.